



## NOTIS PEMBERITAHUAN

---

### PENGEDARAN BORANG, PENDAFTARAN PROGRAM KHIDMAT BAKTI NEGARA (PKBN) PENGAMBILAN KE-8

Dengan hormat memaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), **Pengambilan Ke-7** dijangka akan bermula pada hari **Ahad 2hb Disember 2018** dan selesai pada hari **Khamis 14hb Mac 2019**. Dalam perkara tersebut, syarat penyertaan bagi latihan diatas adalah seperti berikut:

1. **Permohon mestilah Warganegara Brunei atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.**
2. **Terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur diantara 16-21 tahun.**
3. **Tidak terikat dengan sebarang persekolahan ataupun perkerjaan sepanjang jangka waktu latihan.**
4. **Lulus Pemeriksaan Kesihatan.**

Sehubungan dengan itu, Borang Pendaftaran boleh didapati semasa waktu bekerja di pejabat-pejabat berikut:

- **Ibu Pejabat BKBN (Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggrek Desa)**
- **Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Tutong, Belait dan Temburong.**
- **Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan ( Blok 2J, Kondominium Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan).**

Untuk makluman, Borang Pendaftaran mula diedarkan pada hari **Isnin, 02hb Julai 2018** dan akan ditutup pada hari **Rabu 31hb Oktober 2018**. Para calon pelatih adalah dikehendaki untuk membawa sendiri Borang Pendaftaran mereka ke Rumah Sakit atau Pusat Kesihatan di daerah / kawasan masing-masing bagi proses pemeriksaan kesihatan yang diperlukan. Borang yang telah dilengkapkan termasuk pengesahan kesihatan oleh Pegawai Perubatan hendaklah dikembalikan dengan segeranya ke **Ibu Pejabat BKBN** atau melalui **Cawangan Daerah Jabatan Belia dan Sukan (JBS)** atau melalui **Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan**.

Untuk sebarang pertanyaan ataupun urusan penyelarasan selanjutnya, sila berhubung terus kepada **Urusetia BKBN** melalui talian telefon : **2340033/2340045**.

###